

Peneroka haram boleh didenda RM500,000

KUALA LUMPUR 26 Mei - Peneroka yang sebelum ini 'bertaring' serta berani bergerak aktif meneroka tanah secara haram kini bakal berdepan hukuman lebih berat apabila pindaan Rang Undang-Undang Pengambilan Tanah (Pindaan) 2016 akan diimplementasikan tidak lama lagi.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar memberitahu, pindaan akta yang mendapat kelulusan di Dewan Rakyat semalam memperlihatkan denda maksimum RM500,000 menggantikan undang-undang sedia ada yang hanya memperuntukkan hukuman denda maksimum RM10,000.



**WAN JUNAIDI
TUANKU JAAFAR**

"Ia akan memberi ruang kepada hakim untuk menjatuhkan hukuman yang lebih berat kepada mereka yang cuba membinasakan negara kita," katanya selepas majlis penyampaian sijil perhutanan kepada Renjer Hutan sesi 2014/2016 dan Pengawas Hutan sesi 2015/2016 di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di sini hari ini.

Beliau mengulas laporan akhbar mengenai kegiatan penerokaan tanah secara haram di Cameron Highlands terus berlaku apabila lapan kawasan yang telah dibersihkan pada Op Gading fasa pertama lalu kini diterokai semula.

Setiausaha Majlis Keselamatan Negara (MKN), Datuk Seri Alias Ahmad berkata, permintaan yang tinggi menyebabkan aktiviti pembukaan tanah pertanian secara haram bertambah dari setahun ke setahun dan para petani juga sedia maklum denda yang dikenakan umpamanya sekitar RM10,000 bagi individu mampu dibayar berbanding keuntungan.

Wan Junaidi memberitahu, pindaan itu akan dibentangkan di Dewan Negara dalam masa terdekat sebelum diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong untuk diwartakan.

Beliau mengakui kelemahan dari segi pelaksanaan hukuman merupakan faktor utama aktiviti penerokaan haram secara berleluasa.